

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 (09)



---

**SURAT PEKELILING BENDAHARI  
BILANGAN 12 TAHUN 2020**

---

**MENERIMA PAKAI KELULUSAN PERMOHONAN  
MENGUNAKAN HARGA APPROVED PRODUCTS  
PURCHASE LIST (APPL) 2017 – 2019 DI BAWAH  
PERJANJIAN KONSESI PENSWASTAAN MAKMAL  
UBAT DAN STOR (MUS), KEMENTERIAN  
KESIHATAN MALAYSIA (KKM) SECARA TUMPANG  
KONTRAK**

**Pejabat Bendahari**

16 Ogos 2020

**Disalinkan kepada :**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

## **UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 (09)

16 Ogos 2020

### **SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 12 TAHUN 2020** **MENERIMA PAKAI KELULUSAN PERMOHONAN MENGGUNAKAN** **HARGA APPROVED PRODUCTS PURCHASE LIST (APPL) 2017 –** **2019 DI BAWAH PERJANJIAN KONSESI PENSWASTAAN MAKMAL** **UBAT DAN STOR (MUS), KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA** **(KKM) SECARA TUMPANG KONTRAK**

#### **1. TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada staf berkaitan Kelulusan Permohonan Menggunakan Harga *Approved Products Purchase List (APPL) 2017 – 2019* Di Bawah Perjanjian Konsesi Penswastaan Makmal Ubat Dan Stor (MUS), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Secara Tumpang Kontrak dalam perolehan ubat-ubatan bagi Pusat Kesihatan Universiti (PKU) di Universiti Malaysia Kelantan.

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dan diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Khas Bilangan 11 Tahun 2020 yang telah bersidang pada 11 Mei 2020. Kertas Kerja ini juga telah dibentangkan dan diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bilangan 2 Tahun 2020 pada 2 Jun 2020 serta telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 2 Tahun 2020 pada 28 Jun 2020.

### **3. KELULUSAN PERMOHONAN MENGGUNAKAN HARGA *APPROVED PRODUCTS PURCHASE LIST (APPL)***

- 3.1 KKM menerusi surat bernombor rujukan (41)d/m.KKM-57/T11/102 Jld. 2 bertarikh 13 Januari 2020 (**Lampiran A**) memaklumkan bahawa Hospital Pengajar Universiti (HPU) dan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) boleh menggunakan harga di bawah Perjanjian Konsesi Perswastaan MUS, KKM dengan harga yang selari dengan harga yang diguna pakai oleh KKM.
- 3.2 Oleh yang demikian, PKU Universiti Malaysia Kelantan adalah dibenarkan untuk membuat pembelian mengikut harga perjanjian konsesi yang telah ditetapkan antara pihak KKM dan pembekal, Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd.
- 3.3 Kelulusan pembelian di bawah konsesi ini adalah sehingga 31 Disember 2021 selaras dengan pelaksanaan tempoh interim di antara KKM dan Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd.

### **4. PIHAK BERKUASA MELULUS (PBM) PEROLEHAN**

- 4.1 Pihak Berkuasa Melulus (PBM) bagi perolehan ini adalah Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) tanpa terikat dengan had nilai dan tidak memerlukan kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga Universiti (JKSU) atau Lembaga Perolehan Universiti, tertakluk perolehan adalah terhadap kepada bekalan barangan yang telah ditetapkan dalam kontrak berkenaan sahaja.

### **5. PEMAKAIAN**

- 5.1 Surat pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,


  
**JUNAIDAH BINTI BADAR**

Bendahari

b.p: Naib Canselor



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEWANGAN)  
 DEPUTY SECRETARY GENERAL (FINANCE)  
 Kementerian Kesihatan Malaysia  
 Ministry of Health Malaysia  
 Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
 62690 PUTRAJAYA




Tel: 03-8983 2542  
 Faks: 03-8983 5481

Ruj. Fail : (41) dlm.KKM-57/T11/102 Jld. 2  
 Tarikh : 13 Januari 2020  
 17 Jamadilawal 1441H

**SEGERA DENGAN TANGAN/FAKS**

YBhg. Dato' Azizan bin Mohamad Saidin  
 Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)  
 Kementerian Pendidikan Malaysia  
 Aras 7, Blok E8, Kompleks E  
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
 62604 PUTRAJAYA



YBhg. Dato',

**PERMOHONAN MENGGUNAKAN HARGA APPROVED PRODUCTS PURCHASE LIST (APPL) 2017 – 2019 DI BAWAH PERJANJIAN KONSESI PENSWASTAAN MAKMAL UBAT DAN STOR (MUS), KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) SECARA TUMPANG KONTRAK**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas. Surat pihak YBhg. Dato' JPT.S/G/2000/021/07/01 Jld.14(16) bertarikh 24 Disember 2019 adalah berkaitan.

- Adalah dimaklumkan bahawa, Kementerian ini tiada halangan terhadap permohonan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membuat pembelian produk APPL di bawah Perjanjian Konsesi Penswastaaan MUS, KKM dengan harga yang selari dengan harga yang diguna pakai oleh KKM bagi 52 Hospital Pengajar Universiti (HPU) dan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) seperti di Lampiran A. Kelulusan ini adalah sehingga 31 Disember 2021 selaras dengan pelaksanaan tempoh Interim di antara Kementerian ini dengan Pharmanlaga Logistics Sdn Bhd.
- Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato' dipohon untuk menyelaras makluman berhubung kelulusan ini dengan kesemua 52 HPU dan PKU berkenaan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. UZAILIEE BIN ABDUL LATIFF)  
 Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)  
 Kementerian Kesihatan Malaysia

*Resi*  
 En. Haran,  
 mahan  
 email  
 kpd  
 Di. Aduan  
 01/01/2020  
 20/1/2020

s.k:

Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).  
Jabatan Perdana Menteri  
Araas 2-4, 6, 8-10 & 14 Menara Usahawan  
Persiaran Perdana, Presint 2  
62652 PUTRAJAYA  
(u.p.: En. Kamalazira bin Hj. Pauzi)

Pharmanlaga Logistics Sdn. Bhd.  
No.7, Lorong Keluli 1B  
Kawasan Perindustrian Bukit Raja Selatan  
Seksyen 7  
40000 SHAH ALAM  
(u.p.: En. Abdul Malik bin Mohamed)

Pihak tuan perlu memastikan kebenaran ini tidak  
menjejaskan pembekalan produk APPLE kepada  
KKM dan semua obligasi PLSB di bawah konsep ini  
dipenuhi dengan sebatunya


Pengarah  
Amalan dan Perkembangan Farmasi  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi  
(u.p.: Pn. Fatimah binti Abd Rahim)

Float


LAMPIRAN A

SENARAI HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI DAN PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

BIL.	UNIVERSITI AWAM	HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI / PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	JUMLAH
1.	Universiti Malaya	i. Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) ii. Klinik Kesihatan Pelajar Universiti Malaya	2
2.	Universiti Sains Malaysia	i. Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) ii. Pusat Sejahtera USM	2
3.	Universiti Kebangsaan Malaysia	i. Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM (HCTM UKM) ii. Pusat Kesihatan Universiti	2
4.	Universiti Putra Malaysia	i. Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM) ii. Pusat Kesihatan Universiti (Serdang) Klinik Kesihatan (Kampus Bintulu Sarawak)	3
5.	Universiti Teknologi Malaysia	i. Pusat Kesihatan UTM	1
6.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	i. International Islamic University Malaysia Medical Centre (IIUMMC) ii. IIUM Health & Wellness Centre iii. IIUM Health & Wellness Centre Gambang	3
7.	Universiti Utara Malaysia	i. Pusat Kesihatan Universiti UUM	1
8.	Universiti Malaysia Sarawak	i. Pusat Kesihatan UNIMAS /UNIMAS Health Centre (UHC)	1
9.	Universiti Malaysia Sabah	i. Pusat Rawatan Warga UMS	1
10.	Universiti Pendidikan Sultan Idris	i. Pusat Kesihatan UPSI	1
11.	Universiti Sains Islam Malaysia	i. Pusat Kesihatan USIM	1



BIL.	UNIVERSITI AWAM	HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI / PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	JUMLAH
12.	Universiti Teknologi MARA	i. Pusat Kesihatan UITM Shah Alam ii. Pusat Perubatan UITM Sungai Buloh iii. Pusat Perubatan UITM Selayang iv. Pusat Kesihatan UITM Kampus Puncak Alam v. Pusat Kesihatan UITM Kampus Puncak Perdana vi. Pusat Kesihatan Pusat Asasi UITM, Dengkil vii. Pusat Kesihatan UITM Kampus Alor Gajah viii. Pusat Kesihatan UITM Kampus Arau ix. Pusat Kesihatan UITM Kampus Sungai Pelani x. Pusat Kesihatan UITM Kampus Permatang Pauh xi. Pusat Kesihatan UITM Kampus Bandaraya Melaka xii. Pusat Kesihatan UITM Kampus Jasin xiii. Pusat Kesihatan UITM Kampus Kuala Pilah xiv. Pusat Kesihatan UITM Kampus Seremban 3 xv. Pusat Kesihatan UITM Kampus Jengka xvi. Pusat Kesihatan UITM Kampus Dungun xvii. Pusat Kesihatan UITM Kampus Machang xviii. Pusat Kesihatan UITM Kampus Segamat xix. Pusat Kesihatan UITM Kampus Pasir Gudang xx. Pusat Kesihatan UITM Kampus Sri Iskandar xxi. Pusat Kesihatan UITM Kampus Tapa xii. Pusat Kesihatan UITM Kampus Kota Kinabalu xxiii. Pusat Kesihatan UITM Kampus Samarahan	23
13.	Universiti Malaysia Terengganu	i. Pusat Kesihatan Universiti Malaysia Terengganu	1
14.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	i. Pusat Kesihatan UTHM	1
15.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	i. Pusat Kesihatan UTaM	1
16.	Universiti Malaysia Pahang	i. Pusat Kesihatan Universiti (Pekan) ii. Pusat Kesihatan Universiti (Gambang)	2
17.	Universiti Malaysia Perlis	i. Pusat Kesihatan UniMAP	1
18.	Universiti Sultan Zainal Abidin	i. Pusat Perubatan UniSZA	1





BIL.	UNIVERSITI AWAM	HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI / PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	JUMLAH
19.	Universiti Malaysia Kelantan	i. Pusat Kesihatan Universiti (Kota) ii. Pusat Kesihatan Universiti (Jeli) iii. Pusat Kesihatan Universiti (Bachok)	3
20.	Universiti Perlindungan Nasional Malaysia	i. Pusat Kesihatan UPNM	1

